

PENGLIBATAN DAN PERSEPSI IBU BAPA TERHADAP AKTIVITI BERKUDA MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS

Noragayah bt Mohamad Jasid

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

Email: p109541@siswa.ukm.edu.my

*Khairul Farhah Khairuddin

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

Email: kfk@ukm.edu.my

ABSTRAK

Ibu bapa murid berkeperluan pendidikan khas memilih intervensi alternatif bagi membantu meningkatkan kefungsian anak mereka selain daripada sesi terapi konvensional. Antaranya ialah intervensi yang menggunakan haiwan seperti kuda. Intervensi berkuda telah lama diperkenalkan di negara-negara Barat, namun di Malaysia aktiviti ini dilihat sebagai satu aktiviti yang hanya dipelopori oleh golongan elit. Kajian ini bertujuan meneroka penglibatan ibu bapa dalam aktiviti berkuda. Kajian juga meneroka persepsi mereka tentang aktiviti ini untuk murid berkeperluan pendidikan khas. Pendekatan kualitatif digunakan iaitu melalui kaedah fenomenologi. Sesi temu bual dijalankan bersama tujuh orang peserta iaitu ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan pendidikan khas dan telah mengikuti aktiviti berkuda. Data dianalisis secara tematik dengan bantuan perisian NVivo versi 12. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa jenis penglibatan ibu bapa murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) ialah penglibatan dalam aspek keibubapaan dan aspek kesediaan untuk menyediakan pembelajaran di rumah kesan daripada aktiviti berkuda. Hasil dapatan juga mendapati persepsi ibu bapa dalam aktiviti berkuda merupakan satu pilihan kepada intervensi sedia ada, pengetahuan ibu bapa yang terhad tentang aktiviti dan aksesibiliti kepada aktiviti masih kurang. Memandangkan aktiviti berkuda sebagai intervensi kepada MBPK masih baru di Malaysia, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada asas pengetahuan dan intervensi baharu kepada murid berkeperluan pendidikan khas.

Kata kunci: Aktiviti berkuda, intervensi alternatif, murid berkeperluan pendidikan khas, penglibatan ibu bapa, persepsi

PENGENALAN

Perkembangan kanak-kanak boleh dikategorikan kepada lima domain perkembangan utama iaitu kognitif, adaptif, komunikasi, fizikal dan sosio emosi (Endenburg & A. van Lith, 2011). Dalam setiap domain perkembangan ini, mereka akan menunjukkan kepelbagaiannya ciri mengikut individu. Bagi kanak-kanak tipikal, ciri kepelbagaiannya yang ditunjukkan adalah dalam skala yang kecil. Ini menyebabkan mereka boleh mengikuti pendidikan arus perdana yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) didefinisikan sebagai murid yang telah diperakurakan oleh pengalaman perubatan, ahli audiologi, ahli optik atau ahli psikologi sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran atau sebarang kombinasi ketidakupayaan (Warta Kerajaan Persekutuan 2013). Kanak-kanak yang dikategorikan sebagai MBPK memerlukan adaptasi kepada pendidikan umum ini bagi memenuhi keperluan setiap perkembangan mereka.

Kategori MBPK yang paling ramai di Malaysia ialah murid yang mempunyai masalah pembelajaran di mana majoritinya akan ditempatkan di sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). MBPK pembelajaran ini pula merangkumi kanak-kanak yang telah didiagnosis dengan masalah kognitif dan tingkah laku seperti kurang tumpuan (ADHD), autisme, sindrom Down, masalah intelektual dan masalah pembelajaran spesifik (disleksia, diskalkulia dan disgrafia). Dalam satu laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan pertambahan ini meningkat setiap tahun (Statistik Pendidikan Malaysia, 2018). Murid berdaftar di bawah KPM pada tahun 2017 ialah seramai 61,933 orang dan meningkat kepada 65,120 orang pada tahun 2018. Tahun seterusnya masih menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 69,628 orang dan data akhir pada tahun 2021 ialah seramai 78,030 orang murid. Pertambahan MBPK ini masih lagi tidak diketahui puncanya secara jelas (Holroyd et al., 2020). Namun begitu, pertambahan bilangan murid ini telah menyebabkan berlakunya permasalahan dari aspek lain seperti keperluan bilangan guru yang sesuai dengan nisbah murid, persekitaran bilik darjah serta keperluan menyediakan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang sesuai untuk mereka. Selain itu, peningkatan kadar bilangan ini juga tidak selari dengan kemudahan terapi yang disediakan oleh pihak berkepentingan (Ainul Izzah et al., 2018). Hal ini telah menyebabkan kanak-kanak berkeperluan khas terpaksa menunggu lebih lama bagi mendapatkan giliran untuk menjalani terapi yang disediakan di klinik-klinik terapi awam.

Setiap murid berkeperluan pendidikan khas adalah istimewa, unik dan berbeza antara satu sama lain. Selain itu, mereka juga mempunyai pelbagai kekuatan dan kelemahan yang berbeza antara setiap individu. Justeru, mempelbagaikan intervensi kepada kanak-kanak ini adalah satu usaha yang perlu dilakukan oleh semua pihak terutama pihak sekolah dan guru bagi memastikan mereka dapat menjalani kehidupan yang berkualiti. Intervensi yang disertai oleh MBPK pembelajaran antaranya ialah terapi cara kerja, terapi pertuturan, terapi multi sensori dan terapi muzik. Kesemua intervensi ini bertujuan meningkatkan kefungsian MBPK pembelajaran dalam kehidupan seharian dan di dalam bilik darjah. Intervensi konvensional yang dihadiri oleh MBPK pembelajaran ini dilakukan di dalam bilik bertutup dan persekitaran klinikal. Sebahagian intervensi lebih sesuai dijalankan

dalam persekitaran terbuka agar dapat meningkatkan perhatian dan fokus MBPK kepada aktiviti yang dijalankan (Farahiyah et al., 2020).

Aktiviti berkuda yang dijalankan di luar bilik darjah semakin popular di negara-negara Barat sebagai salah satu intervensi untuk MBPK pembelajaran. Berdasarkan kajian lepas, terapi berkuda memberi banyak kebaikan kepada fungsi badan kanak-kanak berkeperluan khas (Borgi et al. 2016 & Llambias et al. 2016). Namun begitu di Malaysia, kajian yang melihat aktiviti berkuda sebagai satu intervensi pembelajaran bagi murid berkeperluan khas di sekolah masih lagi kurang dibuktikan secara empirikal. MBPK pembelajaran perlu mengikuti intervensi agar mereka lebih bersedia dan dapat mencapai tahap maksimum daripada setiap intervensi yang dihadiri mereka. Kepelbagaiannya juga dapat mengisi jurang yang disebabkan oleh kekurangan pakar dan infrastruktur dalam terapi konvensional. Kajian tentang penglibatan dan tahap kefahaman pihak yang terlibat terutamanya ibu bapa dalam aktiviti berkuda perlu diberi perhatian agar penguasaan pembelajaran kanak-kanak ini dapat ditingkatkan selari dengan aktiviti yang disertai. Hal ini kerana mereka merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam pendidikan dan perkembangan MBPK. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka penglibatan ibu bapa murid berkeperluan pendidikan khas dalam aktiviti berkuda. Selain itu kajian juga akan mengenal pasti apakah persepsi ibu bapa tentang aktiviti ini untuk kepentingan murid-murid berkeperluan pendidikan khas di Malaysia.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini meneroka:

1. Apakah jenis penglibatan ibu bapa MBPK dalam aktiviti berkuda?
2. Apakah persepsi ibu bapa tentang aktiviti berkuda dan kebaikannya terhadap perkembangan diri MBPK.

KAJIAN LITERATUR

Kepelbagaiannya intervensi untuk MBPK pembelajaran

Intervensi merupakan satu tindakan yang diambil bagi memperbaiki atau mengurangkan sesuatu masalah yang timbul. Dalam meningkatkan perkembangan dan kemahiran yang perlu dikuasai oleh murid berkeperluan pendidikan khas, pelbagai intervensi perlu dijalankan terhadap murid-murid ini. Setiap kategori MBPK pembelajaran berbeza keperluan intervensinya bergantung kepada kekurangan yang dihadapi mereka (Baranek, 2002). Dengan kata lain, kepelbagaiannya intervensi perlu diadakan agar MBPK dapat mencapai keperluan maksimum mereka melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Selain itu, intervensi yang santai, berbentuk rekreasi dan bermain dapat meningkatkan emosi gembira kanak-kanak serta meningkatkan perkembangan kognitif dan sosial mereka (Gould & Howson, 2014).

Antara kaedah intervensi yang dijalankan terhadap MBPK ialah terapi pertuturan, terapi cara kerja dan terapi muzik. Selain meningkatkan perkembangan fungsi kognitif, emosi, sosial dan psikomotor kepada murid-murid berkeperluan pendidikan khas, penggunaan pelbagai kaedah terapi dapat merangsang pergerakan aliran darah dan oksigen dalam diri mereka. Ini secara tidak langsung akan menyihatkan tubuh mereka. Apabila badan sihat dan cergas, maka keupayaan untuk belajar juga akan meningkat selari dengan kecerdasan badan. Bagi melancarkan pergerakan aliran darah dan oksigen, cara paling berkesan adalah melalui aktiviti fizikal. Intervensi yang melibatkan haiwan semakin dikenali dalam dunia rehabilitasi terutama di luar negara. Ini berikutkan kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas memberikan reaksi positif kepada intervensi yang melibatkan haiwan (Rodriguez et al., 2018).

Aktiviti berkuda sebagai intervensi kepada MBPK pembelajaran

Intervensi yang melibatkan kuda dan murid berkeperluan pendidikan khas telah banyak dibahaskan di luar negara. Aktiviti ini semakin dikenali sebagai salah satu intervensi yang berkesan kepada MBPK. Kebanyakan hasil kajian mendapati bahawa terdapat perubahan yang positif kepada kanak-kanak ini dalam beberapa aspek yang dinilai. Antaranya, terdapat perubahan positif dalam domain psikososial terhadap murid-murid yang mempunyai masalah autisme (Tan & Simmonds 2019). Manakala dalam kajian oleh Srinivasan, Cavagnino & Bhat (2018) mendapati aktiviti berkuda memberikan perubahan positif kepada tingkah laku dan komunikasi sosial murid-murid autisme. Dalam kajian oleh Borgi et al. (2016) menyatakan bahawa menunggang kuda berpotensi meningkatkan fungsi adaptif dan kemahiran sosial kanak-kanak berkeperluan khas. Begitu juga dalam kajian yang dijalankan oleh Anderson & Meints (2016) di mana kajian ini mendapati aktiviti berkuda telah meningkatkan fungsi sosial dalam kalangan kanak-kanak berkeperluan khas. Walau bagaimanapun, terdapat kajian lain yang menyatakan bahawa keberkesanannya intervensi aktiviti ini adalah samar-samar dan masih tidak dapat dibuktikan (Stern & Chur-Hansen 2019). Perbezaan dapatan dalam kajian-kajian sebelum ini menunjukkan bahawa sebarang intervensi yang dilakukan kepada murid berkeperluan pendidikan khas adalah bergantung kepada ketidakupayaan yang dialami, keperluan dan minat individu tersebut.

Aktiviti berkuda telah dijalankan di sekolah terutamanya di kawasan bandar yang mempunyai akses kepada kemudahan ini. Namun, maklumat lanjut diperlukan bagi memahami aspek yang dapat meningkatkan kemahiran pembelajaran dan mengurangkan kesan ketidakupayaan kepada MBPK. Hal ini kerana sesuatu program yang dilaksanakan tanpa mengambil kira perubahan positif dan kepentingan terhadap MBPK itu sendiri adalah pembaziran masa, tenaga dan kewangan.

Penglibatan ibu bapa dalam perkembangan diri MBPK

Ibu bapa merupakan individu penting dalam kehidupan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK). Hubungan antara penglibatan ibu bapa dan perkembangan diri MBPK adalah dinamik, interaktif dan berlaku secara dua hala (Acar et al., 2021). Kajian-kajian lepas banyak melibatkan ibu bapa dan penjaga sebagai responden kajian membuktikan bahawa ibu bapa memainkan peranan penting dalam perkembangan diri murid berkeperluan pendidikan khas (Zhang & Spencer, 2015). Dalam satu lagi kajian

menyatakan penglibatan ibu bapa terhadap perkembangan diri di semua peringkat umur anak-anak bermula dari prasekolah, sekolah rendah, menengah sehingga institusi pengajian tinggi sangat penting (Paezah & Faridah, 2017).

Menurut teori Bronfenbrenner (1977), sistem ekologi menyatakan bahawa fungsi perkembangan manusia saling berkait dengan persekitaran iaitu berlaku interaksi secara perlahan-lahan dan berterusan antara individu dan persekitaran mereka (Bronfenbrenner, 1977). Ibu bapa adalah individu paling dekat dalam persekitaran MBPK. Justeru, sokongan dari ibu bapa dalam memastikan perkembangan diri mereka mencapai tahap optimum adalah sangat penting. Kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran dan perkembangan murid berkeperluan pendidikan khas adalah kerana kanak-kanak dapat melihat ibu bapa mereka berperanan sebagai guru selain meningkatkan keyakinan diri mereka di sekolah. Model penglibatan ibu bapa yang dipelopori oleh Joyce Epstein (2010) menerangkan beberapa komponen yang terdapat dalam model penglibatan ibu bapa. Terdapat enam ciri yang diutarakan oleh Epstein iaitu kategori keibubapaan, kategori komunikasi, kategori kesukarelawanan, kategori pembelajaran di rumah, kategori kepimpinan dan kategori kolaborasi dengan komuniti. Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti berkuda melibatkan hampir kesemua ciri yang dinyatakan. Menurut Epstein, jika ibu bapa dapat melibatkan diri dalam kategori yang dinyatakan bagi memastikan MBPK mendapat pendidikan terbaik akan tercapai. Pihak sekolah, guru-guru dan ibu bapa sendiri akan mendapat keuntungan hasil kolaborasi yang telah dijalankan ini (Epstein 2010). Komponen kesukarelawanan merupakan salah satu komponen di mana ibu bapa bertindak sebagai sukarelawan dalam pendidikan anak-anak di sekolah dan sebagainya. Dalam konteks kajian ini, ibu bapa akan menjadi pendorong, penonton atau bersama-sama mengikuti aktiviti berkuda bersama anak mereka.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk dalam sesebuah kajian penting bagi menerangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui kaedah fenomenologi. Fenomenologi merupakan satu ilmu yang berorientasi untuk mendapatkan penjelasan tentang suatu realiti atau perkara yang berlaku dalam masyarakat (Jasmi 2012). Menurut Creswell (2013) kajian fenomenologi menerangkan makna atau pengalaman beberapa individu dan menterjemahkan pengalaman tersebut kepada pengetahuan yang umum. Fenomena terapi berkuda yang semakin menjadi pilihan kepada ibu bapa murid berkeperluan pendidikan khas kebelakangan ini menarik minat pengkaji untuk meneroka pengalaman mereka secara mendalam.

Kajian ini melibatkan dua pusat aktiviti berkuda yang terletak di Kuala Lumpur iaitu Pusat Teratai dan Pusat Cempaka. Pemilihan pusat rekreasi dan terapi berkuda ini adalah berdasarkan kepada kriteria yang terdapat pada pusat-pusat aktiviti berkenaan. Pusat Teratai ialah satu organisasi yang menyediakan terapi dan rekreasi berkuda kepada masyarakat sekitar. Manakala Pusat Cempaka pula merupakan organisasi tidak berdasarkan keuntungan yang membantu dan menyediakan perkhidmatan aktiviti berkuda kepada Orang Kurang Upaya (OKU) terutama kanak-kanak. Justeru, pengkaji memilih pusat yang dinyatakan berdasarkan kepada pengalaman mereka dalam bidang ini yang telah melangkaui 50 tahun. Pengkaji dibenarkan untuk memasuki pusat aktiviti selama enam bulan sepanjang proses pengumpulan data dijalankan.

Peserta kajian adalah dalam kalangan ibu bapa MBPK yang mengikuti aktiviti terapi berkuda secara berkala di dua pusat aktiviti berkuda ini. Kriteria pemilihan sampel adalah berdasarkan kepada tempoh menyertai aktiviti berkuda di mana MBPK mengikuti semua sesi yang telah ditetapkan. Selain itu, pengkaji menetapkan hanya ibu atau bapa yang menguruskan MBPK sebagai kriteria kedua bagi mendapatkan maklumat mendalam tentang kehidupan sehari-hari mereka sepanjang mengikuti aktiviti berkuda.

Pengumpulan data menggunakan protokol temu bual yang telah diadaptasi daripada kajian lalu. Protokol ini mengandungi soalan separa berstruktur yang membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat secara mendalam daripada penceritaan peserta kajian. Temu bual dibahagikan kepada lima bahagian soalan iaitu (i) pembuka, (ii) pengenalan, (iii) transisi, (iv) utama dan (v) penutup. Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan beberapa proses iaitu transkripsi data verbatim, pembinaan tema dan paparan hasil. Sewaktu temu bual dijalankan, pengkaji merakam dan mencatat perbualan agar tiada kecinciran maklumat berlaku. Catatan yang dilakukan dianalisis bersama dengan rakaman audio semasa temu bual. Proses ini dijalankan serentak dengan proses kutipan data. Pengkaji menggunakan perakam audio telefon pintar sebagai alat perakam utama. Selain itu pemerhatian melalui video rakaman semasa aktiviti berkuda juga dilakukan bagi meningkatkan lagi kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian.

Pengkaji telah menjalankan proses analisis data secara tematik. Analisis tematik merupakan satu kaedah untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan corak data yang diperolehi dalam bentuk tema (Braun & Clarke 2006). Seterusnya, rakaman temu bual tersebut ditranskripsikan secara verbatim menggunakan perisian Microsoft Word. Analisis data dijalankan dengan bantuan perisian NVivo versi 12. Perisian komputer ini dapat membantu memudahkan pengkaji bagi mendapatkan tema yang diperlukan.

DAPATAN KAJIAN

Seramai tujuh orang peserta menyertai kajian ini. Maklumat peserta kajian adalah seperti dalam jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Maklumat peserta kajian

Bil	Nama	Umur	Pekerjaan	Hubungan dengan murid	Status perkahwinan	Pendapatan
1	Ery	41	Pemandu	Bapa	Berkahwin	B40
2	Ara	45	Jururawat	Ibu	Berkahwin	M40
3	Izah	45	Suri rumah	Ibu	Berkahwin	M40
4	Ida	41	Peniaga	Ibu	Berkahwin	M40

5	Faz	50	Peniaga	Ibu	Berkahwin	M40
6	Wahie	43	Ejen Hartanah	Ibu	Berkahwin	M40
7	Bad	44	Peniaga	Bapa	Berkahwin	B40

Jenis penglibatan ibu bapa dalam aktiviti berkuda

a. Mengatur dan meluangkan masa untuk menemani anak

Penglibatan ibu bapa dilihat dalam aspek bagaimana mereka melibatkan diri dalam aktiviti berkuda secara langsung atau tidak langsung. Hasil dapatan temu bual mendapati kesemua ibu bapa memberikan kerjasama agar anak-anak ini dapat memperoleh manfaat daripada aktiviti yang disertai mereka. Hal ini jelas apabila ibu bapa terlibat dalam sesi pertama anak mereka, kebanyakannya menceritakan anak mereka gembira dengan aktiviti yang disertai. Justeru, mereka tidak teragak-agak untuk meluangkan masa walaupun terpaksa mengambil cuti bagi membawa anak mereka ke sesi aktiviti berkuda yang telah ditetapkan.

Memang ambil cuti semata-mata nak bawa dia. Sesi pun sekejap je kan. Sebab masa tu saya kerja, memang ambil cuti untuk bawa Asyraf ke mana-mana.

(Puan Ida, ibu anak autisme 15 tahun)

Selain itu, ibu bapa menyatakan bahawa mereka akan mengatur dan merancang masa dengan sebaiknya agar dapat meluangkan masa untuk membawa anaknya ke pusat aktiviti. Menurut Encik Ery contohnya, beliau dan isterinya merancang kerja dengan baik agar salah seorang akan sentiasa bersedia dari segi keanjalan masa bagi memudahkan mereka menghantar dan menjemput anak mereka di pusat aktiviti.

Tak kisah dengan masa that's why I dengan saya punya isteri ada tukar-tukar, bila dia ada kerja, ada basic salary, I kerja freelance tapi dia sekarang kerja freelance I pergi full time kita ada tukar-tukar la..

(Encik Ery, bapa anak autisme 9 tahun)

b. Mengatasikekangan dan cabaran bagi menghantar anak ke aktiviti berkuda

Penglibatan ibu bapa juga boleh dilihat dalam aspek bagaimana mereka mengatasikekangan dan cabaran yang muncul bagi membolehkan anak mereka menyertai aktiviti berkuda. Peserta kajian keempat iaitu Puan Ida menceritakan kesukaran beliau semasa menguruskan anaknya sewaktu menghadiri aktiviti berkuda. Komitmen beliau di tempat kerja pada ketika itu memerlukannya untuk mengambil cuti bagi memberi laluan kepada aktiviti yang disertai oleh anaknya. Namun begitu, Puan Ida merasakan pengorbanan beliau pada waktu itu berbaloi kerana dapat melihat reaksi anaknya yang gembira dan teruja apabila berada di pusat aktiviti.

Sampai cuti tahunan pun tak pernah ada. Siap tolak gaji lagi. Tapi saya tak kisah asalkan Asyraf ok dan boleh improve diri dia. Tu la je la saya harap dalam terapi-terapi yang Asyraf join ni.

(Puan Ida, ibu anak autisme 15 tahun)

Begitu juga yang dihadapi oleh Puan Faz yang menyatakan beliau mempunyai kesukaran untuk membawa anaknya kerana kekangan masa. Namun begitu, beliau meminta anak-anaknya yang lain untuk menemani adik mereka sewaktu beliau tiada di rumah.

Pilihan sangat terhad, dan saya pun bisnes kadang tak sempat nak pergi pada waktu bekerja. Yang Pusat Teratai ni saya walked in sendiri ke sana. Berjumpa dengan Encik Rafi, waktu tu, arwah Encik Rafi, bertanya dengan dialah untuk program aktiviti berkuda ni dan terus daftar dari situ. So bila saya ada urusan, kakak-kakak dan abang Maryam la yang datang teman. Diorang pun dah besar, jadi dah boleh handle adik tanpa saya.

(Puan Faz, ibu anak lewat perkembangan 8 tahun)

Situasi yang sama dinyatakan oleh seorang lagi peserta kajian iaitu Puan Izah. Beliau masih mempunyai kerjaya ketika anak mereka mengikuti aktiviti tersebut, dan ketika temu bual dijalankan Puan Izah sudah meletakkan jawatan kerana ingin fokus kepada keluarga terutama anak berkeperluan khas mereka.

Susah juga masa tu, sebab nak allocate time kan. Satu lagi masalah kuda ni, kuda tak boleh jalan, kalau ada guruh atau kilat, terpaksa cancel la. Sebab diorang tak akan bagi kuda jalan kalau ada guruh atau kilat. Itu je la challenge yang kena hadap. Itu je la sebab kadang kita dah ambil cuti kan, so frustrated juga la. Jadi saya rasa berbaloi juga saya lepaskan jawatan bila nampak ada perubahan kat Aaira, saya pun kurang penat bila dia tak tantrum.

(Puan Izah, ibu anak autisme 10 tahun)

c. Menyokong minat anak dan menyediakan keperluan untuk aktiviti berkuda

Seperti yang dinyatakan oleh Encik Ery, beliau dan isterinya memastikan anaknya mempunyai minat dalam apa jua aktiviti yang disertai anak mereka. Jika anak mempunyai minat, semuanya akan menjadi mudah dan tidak perlu memaksa mereka untuk melakukan perkara yang tidak digemari. Encik Ery menghantar anaknya mengikuti aktiviti berkuda setiap minggu kerana mendapati anaknya tidak meragam sewaktu diberitahu akan dibawa ke pusat aktiviti berkuda. Perkara ini sangat berbeza jika beliau mahu membawa anaknya ke pusat terapi konvensional. Justeru Encik Ery akan membawa anaknya tanpa gagal setiap kali sesi berkuda dijadualkan oleh pihak yang berkenaan bagi mendapatkan manfaat sepenuhnya dari aktiviti tersebut.

Tiap-tiap minggu saya hantar dia. Setiap hari Khamis saya akan hantar. Dia ok, kalau dia tak suka pergi, dia akan beritahu dengan cara dia. Mungkin dia marah, atau bila sampai tak nak turun kereta.

(Encik Ery, bapa anak autisme 9 tahun)

Selain itu, ibu bapa juga sanggup berkorban wang ringgit bagi melihat perkembangan diri anak mereka. Perkara ini diceritakan oleh Puan Izah di mana beliau sanggup membuat pinjaman bank agar anaknya dapat mengikuti aktiviti berkuda di pusat swasta. Menurut Puan Izah, mereka sanggup melakukan apa sahaja pada ketika itu agar dapat meningkatkan perkembangan diri anaknya.

Saya mengharap la Aaira dapat lagi join sesi berkuda, dulu kami pun sampai ambil personal loan lagi sebab nak rawat Aaira. Tapi memang tak cukup. Dah ambil bibik pun still tak boleh nak manage.

(Puan Izah, ibu anak autisme 10 tahun)

d. Mengaplikasikan pelajaran dari aktiviti berkuda dalam kehidupan sehari-hari

Manakala dalam situasi Puan Ara, anaknya sering kali mengamuk dan tantrum apabila menghadapi satu situasi yang kurang menyenangkan. Beliau telah melakukan penceritaan sosial terhadap anaknya dengan menggunakan pendekatan semasa aktiviti berkuda dijalankan. Sebagai contoh, sebelum menaiki kuda, murid perlu menunggu giliran dan melakukan perkara rutin sebelum dapat menaiki kuda. Menurut Puan Ara, anaknya hanya akan teruja untuk menaiki kuda tanpa mempedulikan giliran ataupun rutin sebelum menaiki kuda. Justeru, beliau sentiasa mengingatkan anaknya bahawa menunggu giliran adalah satu perkara yang tidak boleh dielakkan dalam kehidupan bermasyarakat. Apabila Puan Ara sering kali mengingatkan perkara ini, anaknya dapat mengaplikasikan perkara tersebut dalam kehidupan sehari-harinya. Bantuan sebegini menurut Puan Ara memerlukan kesabaran yang tinggi dan tidak mudah untuk dilakukan.

Daripada situ (aktiviti berkuda) kita tukar-tukar story. Dia faham. Kita kena ajar macam tu. Tapi tak mudah tau. Kita akan nampak macam seorang yang..orang akan cakap, eh tegasnya ibu dia. Eh ibu dia ni macam banyak cekakak, nak ngajar anak. Tapi atas inisiatif kita sendiri tau. Kita nak jadikan dia macam sekarang, tak mudah. Kena banyak la sabar, kena banyak tebalkan muka kat orang.

(Puan Ara, ibu anak autisme 15 tahun)

Sebagai kesimpulannya, jelas menunjukkan ibu bapa melibatkan diri sepenuhnya dalam perkembangan diri anak mereka melalui aktiviti berkuda. Hasil dapatan ini telah menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu bagaimana penglibatan ibu bapa dalam aktiviti berkuda di Kuala Lumpur. Selain menyediakan pengangkutan yang sesuai, ibu bapa juga meluangkan masa sepanjang membawa anak mereka ke pusat aktiviti. Ibu bapa juga tidak berkira dengan kos yang dikeluarkan asalkan anak mereka gembira dan belajar sesuatu daripada aktiviti tersebut. Seterusnya ibu bapa juga membantu mengaplikasikan kemahiran yang diperolehi daripada aktiviti berkuda ke dalam kehidupan sehari-hari anak mereka. Perkara ini akhirnya meningkatkan kemahiran diri dalam kehidupan sehari-hari murid berkeperluan pendidikan khas.

Persepsi ibu bapa terhadap aktiviti berkuda

a. Pilihan

Melalui temu bual yang dijalankan mendapat ibu bapa menganggap aktiviti berkuda ini sebagai alternatif kepada terapi-terapi konvensional yang dihadiri anak mereka. Lima daripada enam peserta kajian menyatakan bahawa anak mereka tidak suka dan menolak untuk menghadiri terapi konvensional. Mereka berpendapat terapi tersebut menyebabkan anak mereka bosan kerana akan melakukan perkara yang sama di dalam ruangan yang tertutup. Selain itu sikap ahli terapi juga menyebabkan murid berkeperluan khas merasa tidak selesa sepanjang sesi terapi dijalankan. Perkara ini seperti yang dinyatakan oleh beberapa orang peserta kajian.

So kitaorang bawa la dia pergi speech therapy. Tapi dia tak suka. Bilik speech therapy tu kedap bunyi, bergema, dia macam sunyiii bilik tu kan. Dia tak suka. Setiap kali pergi. Dia akan stress. Orang tu kena pujuk dengan belon dengan apa. Dia tak happy.

(Puan Ara, ibu anak autisme 15 tahun)

Sampai dia jumpa dengan satu terapis lelaki kat sini. Dia tak suka. Lelaki tu mungkin kurang sabar kan, tak salahkan dia la, dia pun penat kan. Jadi dia cakap, Rezq kena buat! [ulang 2 kali] dia paksa. Rezq ni lelah, bila dia menangis dia akan susah nafas, tapi orang tu tak peduli. Lepas tu ayah dia kata tak payah pergi lagi la. Biar la.

(Puan Ara, ibu anak autisme 15 tahun)

Airaa kalau kena paksa memang dia tak nak buat. Indoor punya terapi ni Airaa memang tak nak. Sesi dalam kelas ni menangis-nangis dia tak nak. Kami try juga la. Perjalanan nak pergi ke sesi ni pun dia akan bang kepala dia kat kereta. I tak boleh drive. Dia rasa sesi tu berat. Speech therapy tu dia macam one way kan, bagi Airaa tak ada fun. Bila terpaksa dia tak nak cooperate.

(Puan Izah, ibu anak autisme 10 tahun)

b. Pengetahuan

Melalui dapatan temu bual yang diperolehi, hampir kesemua ibu bapa tidak mempunyai maklumat tentang aktiviti berkuda sebagai intervensi untuk MBPK. Kebanyakan ibu bapa mendapat maklumat tentang aktiviti berkuda daripada pihak ketiga. Pihak ketiga ini termasuklah guru-guru di sekolah, doktor pakar yang merawat dan juga rakan-rakan dalam kalangan ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan pendidikan khas. Peserta kajian pertama iaitu Encik Ery pada mulanya tidak yakin aktiviti berkuda selamat untuk anaknya. Namun apabila beliau mula membawa anaknya pada sesi pertama, tanggapan beliau berubah apabila mendengar taklimat dan persekitaran pusat aktiviti yang sentiasa peka dan berjaga-jaga dengan sebarang kemungkinan.

Mula-mula I pun tak tahu dapat apa. Sebab tak tahu apa itu horse riding kan. Lagipun takut juga saya itu kuda kan, besar. Tapi saya saja nak bagi dia sebab dia suka animal. Then bila pergi semua ok, anak pun suka, enjoy.

(Encik Ery, bapa anak autisme 9 tahun)

Seperi yang dinyatakan oleh Puan Ara, beliau teruja apabila guru anaknya di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) mempelawa beliau menyertai aktiviti berkuda. Guru tersebut menyarankan Puan Ara mengikuti aktiviti kerana mendapat anak Puan Ara seorang yang mudah menangis dan sering mengamuk.

Masa Rezq masuk sekolah (TTDI 2) tu, umur 7 tahun, jadi Cikgu Zaralah yang offer untuk Rezq pergi aktiviti berkuda. Dia kata terapi kuda ni boleh macam budak tu hyper kan, boleh menenangkan, mungkin ya lah haiwan tu kan dia kadang-kadang dia dengan manusia tu ada chemistry..[]. Di samping tu boleh macam mendisiplinkan dia, sebab Rezq ni dia jenis yang susah ikut arahan. Dia nak buat apa yang dia nak buat, dia tak nak follow instruction. Dan Rezq ni dia kurang sabar, dia tantrum. Jadi daripada situ cikgu mencadangkan untuk pergi terapi tu.

(Puan Ara, ibu anak autisme 15 tahun)

Puan Ara tidak pasti bagaimakah aktiviti berkuda dijalankan sewaktu dipelawa oleh guru anaknya. Justeru Puan Ara dan suaminya membuat keputusan untuk bergilir-gilir menemanai anak mereka ke pusat aktiviti berkuda agar mereka juga dapat memerhatikan bagaimana aktiviti tersebut dijalankan terhadap MBPK. Perkara ini juga berlaku kepada seorang lagi peserta kajian iaitu Encik Ery yang menyatakan bahawa jika pihak sekolah tidak memaklumkan kepada beliau tentang aktiviti yang sesuai untuk anaknya, kemungkinan beliau langsung tidak akan tahu seterusnya tidak akan menghantar anaknya ke pusat aktiviti berkuda.

“Horse riding ni kurang news pasal diorang. Maksud saya kalau Sri Eden tak ada beritahu, memang saya tak tahu. At least ada satu. Saya pun tak tahu Joyce cari Sri Eden atau Sri Eden yang cari Joyce.”

(Encik Ery, bapa anak autisme 9 tahun)

Seorang lagi peserta kajian iaitu Puan Izah mendapat maklumat tentang aktiviti berkuda daripada doktor pakar yang merawat anaknya. Beliau sempat membawa anaknya mengikuti aktiviti berkuda bersama doktor terabit tetapi atas faktor kewangan beliau mula mencari alternatif lain. Selain melayari laman sesawang untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan aktiviti ini, beliau cuba mencari pusat-pusat yang menyediakan aktiviti berkuda.

Saya lupa dah dari mana dapat tahu, tapi mungkin dari facebook macam tu, sebab saya just survey. Tapi kalau first experience Airaa dengan kuda ialah melalui doktor dia di SJMC. Doktor dia nasihatkan untuk buat terapi kuda. Cumanya kos sangat mahal. Satu course dia rm3500 macam tu.

(Puan Izah, ibu anak autisme 10 tahun)

Sebagai rumusan, kesemua peserta kajian tidak pasti tentang aktiviti ini kecuali seorang sahaja yang maklum tentang aktiviti berkuda untuk anak-anak berkeperluan pendidikan khas. Kesemua peserta kajian mendapat maklumat tentang aktiviti berkuda untuk MBPK melalui sumber ketiga iaitu sekolah anak, doktor pakar yang merawat anak dan juga daripada rakan-rakan yang mempunyai anak berkeperluan pendidikan khas. Justeru, adalah sangat penting kesemua sumber ketiga ini mempromosikan tentang aktiviti ini bagi memberi kefahaman dan pengetahuan kepada ibu bapa lain.

Aspek pengetahuan juga mempengaruhi jangkaan ibu bapa sebelum dan selepas menyertai aktiviti berkuda. Dua orang peserta kajian menyatakan isu keselamatan sebelum mereka menghantar anak-anak ke pusat aktiviti berkuda. Jangkaan mereka berubah apabila anak masing-masing telah menyertai aktiviti berkuda. Puan Ida pada mulanya tidak membenarkan anaknya mengikuti aktiviti yang disediakan oleh pihak sekolah kerana tidak yakin dengan keselamatan anaknya sewaktu menunggang kuda. Namun setelah guru anaknya meyakinkan beliau tentang keselamatan aktiviti, beliau akhirnya membenarkan anaknya menyertai aktiviti tersebut.

Sekolah ada buat macam-macam aktiviti, kena buat bayaran la. Antaranya terapi berkuda tapi saya tak bagi masuk. Sebab saya tak berani. Kan sebab fikir kuda. Risau saya sebab Asyraf ni kadang terlampau berani. Tapi sebab cikgu dia semangat nak bawa Asyraf, akhirnya saya beri juga. Dan saya gembira bila Asyraf pun gembira ikut program tu.

(Puan Ida, ibu anak autisme 15 tahun)

Puan Ara juga menyuarakan kerisauannya apabila anaknya mengikuti aktiviti berkuda kerana bimbangkan keselamatan sewaktu berada di atas kuda. Namun beliau bersyukur kerana sepanjang mengikuti aktiviti berkuda anaknya tidak pernah mendapat kecederaan ataupun kemalangan.

Saya risau juga kot dia terjatuh ke apa kan, tapi alhamdulillah la memang dia tak pernah cedera ke apa. Itu sahaja la kerisauan saya, sebab Rezq ni tak sama macam budak lain, takut dia mengamuk ke atas kuda tu. Itu je la.

(Puan Ara, ibu anak autisme 15 tahun)

Jangkaan ibu bapa yang berbeza sebelum dan selepas menyertai aktiviti berkuda ini mungkin disebabkan oleh faktor kurang pengetahuan dan maklumat tentang aktiviti berkuda. Ibu bapa lebih positif dan kurang tekanan dalam aspek keselamatan untuk MBPK selepas hadir dan memerhatikan sendiri aktiviti yang disediakan di pusat aktiviti berkuda ini.

c. Aksesibiliti

Infrastruktur dan kemudahan pusat aktiviti yang kurang/sedikit

Hasil dapatan bual seterusnya menyatakan bahawa ibu bapa mempunyai beberapa isu dalam aktiviti berkuda. Persepsi ini timbul kerana ibu bapa tidak mempunyai pilihan tempat yang lain untuk membawa anak mereka mengikuti aktiviti berkuda. Hampir kesemua ibu bapa menyatakan bahawa pusat-pusat yang menyediakan aktiviti ini sangat sedikit dan tidak mampu menanggung bilangan murid berkeperluan khas yang semakin ramai. Puan Izah berpendapat walaupun ada pusat yang menyediakan aktiviti ini secara percuma, tetapi mereka perlu menunggu lama dan memberi peluang kepada mereka yang belum pernah mengikuti aktiviti tersebut. Ini menyebabkan ibu bapa sedikit kecewa.

Kami mencari pusat yang ada berkuda ni. Tak banyak kan. Kami pindah ke Titiwangsa sebab nak dekat dengan pusat berkuda Titiwangsa ni, tapi sebab dah PKP tak ada sesi dah la. Kami sekarang pergi ke MAEPS pula, sebab tak dapat join yang Titiwangsa. Tapi yang MAEPS ni pun start PKP diorang pun terpaksa tutup juga, sebab tak berani kan. Walaupun Pusat Teratai contohnya free, tapi dia orang kena queue, dan Pusat Teratai pun kena select juga, kalau kita dah pernah join dia bagi peluang kat orang lain pula.

(Puan Izah, ibu anak autisme 10 tahun)

Isu ini juga disuarakan oleh seorang lagi peserta kajian iaitu Puan Faz yang menyatakan kesukaran untuk mencari pusat yang menawarkan aktiviti ini. Beliau juga menyatakan perkara yang sama dengan peserta kajian ketiga iaitu Puan Izah di mana pusat berkuda yang percuma mempunyai senarai menunggu yang panjang.

Untuk program berkuda ni cuma satu la dengan masalah kat tempat kita, di negara kita. Tak banyak tempat yang menawarkan program macam ni untuk anak istimewa, agak susah nak cari. Kalau ada yang ditawarkan macam Pusat Teratai ni pun, slot dia tak banyak. Kita kena berebut, kita kena tunggu. Jadi dia kurang pendedahan la kepada orang luar.

(Puan Faz, ibu anak lewat perkembangan 8 tahun)

Seorang lagi peserta kajian iaitu Puan Ida juga menyatakan anaknya menunjukkan perubahan positif apabila sering mengikuti aktiviti berkuda ini. Namun begitu pusat aktiviti yang menyediakan perkhidmatan percuma tidak dapat menerima lagi untuk memberi peluang kepada murid lain yang memerlukan. Puan Ida berpendapat mungkin kerana masalah anaknya tidak kritikal berbanding murid-murid lain.

Tapi memang aktiviti berkuda ni memang bagus untuk murid-murid istimewa ni, sebab tu saya nak mohon lagi untuk Asyraf masuk berkuda tapi tak dapat. Pusat Teratai kata masih ramai yang menunggu.

(Puan Ida, ibu anak autisme 15 tahun)

Kos aktiviti berkuda yang terlalu tinggi

Selain kurangnya pusat aktiviti yang menawarkan perkhidmatan ini, ibu bapa juga menyatakan kos yang perlu dibayar untuk mengikuti aktiviti adalah terlalu tinggi. Mereka berpendapat hanya golongan yang berkemampuan sahaja dapat menyertai aktiviti sebegini. Bayaran yang tinggi ini dikenakan oleh pusat-pusat aktiviti yang sememangnya menyediakan terapi kepada kanak-kanak istimewa.

Dan kalau ada pun kos dia sangat tinggi. Jadi tak semua keluarga yang ada anak-anak istimewa ni berkemampuan untuk mengikuti program-program macam ni. Jadi dia agak terhad untuk beberapa jenis kategori keluarga sahaja.

(Puan Faz, ibu anak lewat perkembangan 8 tahun)

Perkara ini juga dinyatakan oleh peserta kajian Puan Izah yang berpendapat aktiviti berkuda ini sangat baik untuk anaknya, tetapi oleh kerana kekurangan pusat aktiviti yang menyediakan perkhidmatan percuma, beliau memilih untuk mendaftarkan anaknya ke pusat aktiviti yang membayar. Namun begitu, masalah kewangan menyebabkan beliau tidak dapat menghantar anaknya secara konsisten ke pusat aktiviti tersebut.

Tapi kalau first experience Airaa dengan kuda ialah melalui doktor dia di SJMC. Doktor dia nasihatkan untuk buat terapi kuda. Cumanya kos sangat mahal. Satu course dia rm3500 macam tu. Dia memang buka centre untuk hipoterapi. Bila dah mahal macam ni, saya hantar sekali je la, jadi takde konsistensi kat situ.

(Puan Izah, ibu anak autisme 10 tahun)

Sesi aktiviti berkuda yang singkat dan kekerapan aktiviti dijalankan

Pusat Teratai menawarkan sesi selama 8 kali sahaja kepada setiap murid berkeperluan pendidikan khas yang berminat. Sesi ini akan diadakan seminggu sekali bergantung kepada keadaan semasa dan cuaca yang mengizinkan. Perkara ini dinyatakan oleh beberapa orang ibu bapa yang mengikuti aktiviti di pusat aktiviti Pusat Teratai. Puan Faz menyuarakan pandangan beliau bahawa sesi yang disediakan adalah terlalu singkat dan tidak cukup untuk memberikan manfaat kepada anaknya. Anak Puan Faz hanya menunjukkan perubahan yang lebih baik apabila sesi untuknya hampir tamat.

Memang terapi berkuda ni sangat-sangat recommended untuk kanak-kanak special needs. Sebab dia memang banyak membantu sebenarnya. Cuma macam saya cakap tadi, sesi yang Maryam join, yang Maryam ikut tu terlalu pendek. Untuk nampak perubahan yang ketara tu kita tak nampak. Ha macam tu lah.

(Puan Faz, ibu anak lewat perkembangan 8 tahun)

Puan Faz juga menyatakan bahawa tempoh seminggu sekali adalah terlalu lama untuk anaknya menyesuaikan diri dengan kuda setiap kali sesi diadakan. Ini menyebabkan anaknya mengambil masa yang terlalu lama untuk menyesuaikan diri dengan kuda seterusnya sukar menunjukkan perubahan positif seperti yang diharapkan.

Sebab macam saya cakap session gap dia sekali seminggu, jadi gap dia terlalu jauh. Dan setiap session cuma kurang dari sejam, jadi session tu terlalu sekejap, untuk dia biasakan diri dengan keadaan dan untuk naik kuda. Bila penghujung session tu nampak la she's getting used to naik kuda, dia kurang gayat. Tapi itu la, sebab session tu seminggu sekali jadi tak nampak perbezaan tu sangat.

(Puan Faz, ibu anak lewat perkembangan 8 tahun)

Peserta kajian lain pula menyatakan bahawa konsistensi adalah perkara utama sewaktu membawa anak-anak mereka ke pusat aktiviti berkuda. Hal ini berikutan kebanyakan murid berkeperluan khas sangat patuh dengan rutin. Justeru, apabila ibu bapa membawa anak mereka secara konsisten maka perubahan-perubahan positif akan mula dilihat dalam perkembangan diri anak mereka.

Kalau dia join kuda secara konsisten hari tu, dia sangat ok. Dia boleh rasa dan beritahu kita yang dia nak buang air. Sejak 2 tahun ni tak ada aktiviti naik kuda ni, memang nampak sangat perubahan, boleh kata setiap hari dia membuang waktu malam. Sebulan sekali tak boleh, kena at least seminggu sekali. Supaya kita boleh nampak kesan. Konsistensi dengan kuda ni saya nampak sangat penting, sebab alertness dia berubah.

(Puan Izah, ibu anak autisme 10 tahun)

Kekangan masa ibu bapa bekerjaya untuk membawa anak ke pusat aktiviti

Walaupun kebanyakan peserta kajian dapat mengatasi kekangan dan cabaran dalam aspek masa bagi memastikan anak mereka dapat menyertai aktiviti berkuda, terdapat seorang peserta dari kalangan ibu yang berkongsi pendapat peribadinya yang merasakan aktiviti ini tidak berbaloi untuk disertai anaknya berikutan faktor kekangan masa yang dihadapi oleh beliau. Menurutnya;

Dari segi masa, memang perlu luangkan masa untuk kita join aktiviti macam ni. Kadang-kadang sebab aktiviti diadakan pada waktu dan hari-hari bekerja, jadi ibu bapa agak sukar untuk dapatkan cuti hanya untuk bawa anak-anak diorang ke program macam ni. Program ni pun macam sekejap sangat. Jadi kadang ada beberapa individu, ibu bapa dan saya sendiri pun merasakan macam program ni tidak berbaloi.

(Puan Faz, ibu anak lewat perkembangan 8 tahun)

Hasil dapatan ini menjawab persoalan kajian kedua iaitu persepsi ibu bapa terhadap aktiviti berkuda kepada anak mereka. Tiga tema utama persepsi ibu bapa tentang aktiviti berkuda ialah pilihan, pengetahuan dan aksesibiliti. Lima orang peserta kajian menganggap aktiviti berkuda sebagai alternatif kepada terapi konvensional yang dihadiri oleh anak mereka. Hal ini berikutan MBPK tidak dapat memberikan komitmen yang baik sepanjang mengikuti terapi konvensional bersama ahli terapi profesional. Justeru, kebanyakan ibu bapa mencari aktiviti lain yang berbentuk terapi bagi memberikan pilihan yang terbaik untuk anak-anak mereka. Peserta kajian juga berpendapat mereka mempunyai kurang pengetahuan dan maklumat tentang aktiviti berkuda untuk MBPK. Ini berdasarkan kepada jangkaan dan pandangan mereka terhadap aktiviti berkuda yang berubah apabila mula menyertainya pada pertama kali. Walaubagaimanapun, dalam aspek kelemahan aktiviti berkuda, empat orang peserta kajian menyuarakan pandangan sama di mana negara kita masih kekurangan sumber dan kemudahan untuk menjalankan aktiviti ini secara meluas. Selain itu, peserta kajian juga merasakan sesi aktiviti ini sangat singkat dan memerlukan konsistensi agar dapat menunjukkan kesan yang lebih pantas dan efektif kepada anak mereka. Faktor kekangan masa juga menyebabkan ada ibu bapa yang memilih untuk meletak jawatan memandangkan aktiviti hanya dijalankan pada hari bekerja dan anak-anak memerlukan penglibatan penuh mereka ketika aktiviti dijalankan. Kesemua kelemahan dalam aktiviti berkuda ini diringkaskan sebagai aksesibiliti kepada aktiviti berkuda dalam konteks negara Malaysia.

PERBINCANGAN

Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti berkuda

Penglibatan ibu bapa dalam aktiviti berkuda dapat diklasifikasikan mengikut cara dan pendekatan yang digunakan oleh mereka dalam membantu MBPK meningkatkan perkembangan diri anak-anak. Kajian menunjukkan tema utama yang muncul dalam penglibatan ibu bapa boleh dikategorikan mengikut jenis iaitu 1) ibu bapa terlibat mengatur dan meluangkan masa untuk menemani anak mereka sewaktu menyertai aktiviti berkuda, 2) ibu bapa cuba mengatasi kekangan dan cabaran yang muncul bagi membolehkan anak mereka menyertai aktiviti berkuda dan 3) ibu bapa menyokong minat dan menyediakan keperluan anak mereka dalam aktiviti berkuda. Tema ini selari dan memenuhi kerangka penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak iaitu aspek

keibubapaan oleh Joyce Epstein (2010) yang menyatakan bahawa faktor keibubapaan adalah penting untuk perkembangan diri anak mereka terutamanya MBPK. Aspek keibubapaan ini merangkumi perkara-perkara seperti menyediakan kemudahan yang selesa untuk pembelajaran anak-anak dan sentiasa memastikan mereka mempunyai masa untuk berkumpul bersama-sama (Epstein, 2010). Manakala untuk satu lagi tema iaitu 4) mengaplikasikan pelajaran dari aktiviti berkuda ke dalam kehidupan sehari-hari anak memenuhi kerangka keempat iaitu pengetahuan dan kesediaan ibu bapa menyediakan pembelajaran di rumah.

Kajian ini memfokuskan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti berkuda kerana melihat ibu bapa sebagai individu paling penting dalam kehidupan MBPK selain guru dan masyarakat. Tambahan pula, intervensi yang melibatkan haiwan merupakan perkara baharu di Malaysia walaupun intervensi ini sudah lama dijalankan di luar negara. Dalam kajian ini menunjukkan bahawa apabila individu MBPK menjalani aktiviti berkuda, penglibatan ibu bapa secara langsung meningkatkan rasa bangga terhadap diri sendiri dan anak mereka. Dalam kajian oleh Tan & Simmonds (2018) menunjukkan ibu bapa merasakan diri dan anak-anak mereka lebih dihargai dalam aktiviti berkuda. Hal ini berikutan terdapat kajian yang menyatakan ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan pendidikan khas cenderung untuk mempunyai rasa rendah diri selain berlakunya kes pencerayaan akibat kesukaran dalam mencapai persefahaman bagi membesar anak mereka (Zorcec, 2019). Maka dengan itu, peningkatan rasa gembira dan yakin diri MBPK melalui aktiviti berkuda juga akan memberi kesan kepada sistem sokongan keluarga terutama ibu bapa dan adik beradik mereka.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa apabila individu MBPK menjalani sesuatu intervensi maka ibu bapa mempunyai pengharapan yang tinggi untuk melihat perubahan positif dalam perkembangan diri anak mereka (Borgi et al., 2016). Kajian oleh Zhang & Spencer (2015) juga menyatakan penglibatan ibu bapa telah dikenal pasti sebagai faktor penting dalam meningkatkan kemahiran pembelajaran MBPK. Maka tidak hairanlah mereka melibatkan diri sepenuhnya dalam aktiviti yang disertai anak mereka secara langsung mahupun tidak langsung. Dalam konteks aktiviti berkuda, ibu bapa dapat merasakan perkara positif dalam diri mereka apabila MBPK menunjukkan minat dan kesungguhan semasa menyertainya. Perkara ini berlaku kerana suasana persekitaran yang lebih alami dan kurang tekanan dari segi tingkah laku MBPK sewaktu menyertai aktiviti ini.

Persepsi ibu bapa terhadap aktiviti berkuda

Persepsi ibu bapa dalam kajian ini merujuk kepada tanggapan, perasaan atau pandangan ibu bapa tentang aktiviti berkuda yang disertai oleh anak mereka. Persepsi ini berkemungkinan dalam bentuk positif atau negatif bergantung kepada pengalaman dan pandangan ibu bapa itu sendiri tanpa dipengaruhi oleh persekitaran mahupun pengkaji. Berdasarkan data yang telah dianalisis, didapati bahawa ibu bapa menganggap bahawa aktiviti berkuda yang disertai anak mereka adalah alternatif kepada terapi-terapi konvensional yang telah dihadiri oleh MBPK sebelumnya. Dapatan ini berpadanan dengan kajian oleh O'Mahony, Connolly & Hynes (2019) yang menyatakan bahawa terapi konvensional menyebabkan MBPK mengalami tekanan berikutan terapi ini dijalankan di dalam persekitaran yang tertutup. Selain itu, MBPK juga hilang daya tumpuan sewaktu menjalani terapi konvensional menyebabkan mereka akan mudah berasa bosan apabila diminta melakukan perkara yang sama berulang kali (Farahiyah et al., 2020). Selain itu, suasana di dalam bilik terapi yang mempunyai pelbagai tarikan seperti barang mainan dan warna-warna yang terang akan menyebabkan MBPK pembelajaran terutamanya murid ADHD akan mudah hilang daya tumpuan. Kajian oleh Tschida et al. (2021) menyokong dapatan kajian ini di mana menurutnya MBPK adalah unik dan berbeza antara satu sama lain. Justeru, tidak semua intervensi yang sesuai untuk seorang individu MBPK juga sesuai untuk individu yang lain. Dengan erti kata lain, keberkesanannya sesuatu intervensi bergantung kepada keperluan individu terbabit (Tschida et al., 2021). Kajian oleh Butt (2017) pula menyatakan bahawa aktiviti berkuda melengkapkan terapi konvensional yang dihadiri oleh MBPK. Hal ini kerana dari sisi lain, aktiviti berkuda yang dijalankan di persekitaran luar juga memainkan peranan di mana terdapat kajian yang dijalankan oleh Annerstedt & Währborg (2011) menyatakan bahawa alam semula jadi memberikan impak positif kepada perkembangan diri MBPK. Perkara ini turut dibincangkan oleh Meuwese et al. (2021) yang menyatakan bahawa persekitaran semula jadi mengurangkan tekanan kepada individu berkeperluan pendidikan khas.

Hasil dapatan kajian juga menyatakan bahawa ibu bapa kurang pengetahuan dan maklumat tentang aktiviti berkuda untuk murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK). Persepsi ini disokong oleh kajian yang dijalankan O'Mahony, Connolly & Hynes (2019) yang menyatakan ibu bapa di Ireland kurang pengetahuan tentang aktiviti berkuda disebabkan aktiviti tersebut masih baharu di negara tersebut dan kurang pendedahan tentangnya. Satu lagi kajian yang menyokong hasil dapatan ini juga menyatakan bahawa aktiviti yang melibatkan haiwan di negara mereka masih terhad kepada golongan tertentu sahaja dan tiada maklumat untuk ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan pendidikan khas seperti autisme dan ADHD (Hawkrige, 2017). Perkara ini juga berlaku dalam konteks di negara kita di mana masyarakat masih menganggap aktiviti ini hanya untuk golongan elit. Tambahan pula, ibu bapa didapati kurang maklumat tentang pusat-pusat yang menawarkan perkhidmatan ini secara percuma. Justeru tidak hairanlah perkara ini menyebabkan kebanyakan ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan pendidikan khas masih kurang maklumat dan pengetahuan tentang kebaikan aktiviti ini kepada anak mereka. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, persepsi sebegini seharusnya tidak berlaku kerana MBPK bukanlah asing lagi dalam kalangan masyarakat kita. Setiap intervensi yang dibuktikan berkesan kepada pemulihan atau perkembangan diri MBPK haruslah di ambil kira dan direkodkan. Ini bagi memudahkan pembuat dasar merancang intervensi yang membantu meningkatkan kefungsian MBPK di negara kita.

Seterusnya dapatan kajian mendapati jangkaan ibu bapa dalam isu keselamatan sewaktu MBPK menjalani aktiviti berkuda berubah setelah anak mereka menyertai aktiviti berkuda. Dalam kajian ini, peserta kajian mempunyai satu tanggapan positif di mana perkara ini berkemungkinan kerana tiada kemalangan berlaku sepanjang anak mereka menyertai aktiviti berkuda. Isu keselamatan MBPK sewaktu aktiviti berkuda adalah satu isu penting memandangkan MBPK mempunyai kebarangkalian untuk melakukan sesuatu di luar jangkaan sewaktu berada di atas kuda (Kamaruzaman et al., 2020). Dalam kajian tersebut menyatakan bahawa aktiviti berkuda ini sangat baik untuk MBPK tetapi risiko yang mungkin dihadapi oleh semua pihak termasuk MBPK harus diambil kira. Justeru, satu garis panduan dihasilkan bagi menentukan sama ada seseorang MBPK itu layak ataupun tidak menjalani aktiviti ini (Kamaruzaman et al., 2020). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Kamaruzaman et al. (2020) ini jelas menunjukkan bahawa isu keselamatan di pusat-pusat berkuda ini tidak dipandang enteng oleh pihak yang terlibat. Rentetan daripada kajian lepas ini juga menunjukkan bahawa aktiviti berkuda di negara kita semakin berkembang kerana telah mempunyai jurulatih dan pembantu yang berkemahiran dan bertauliah. Walau bagaimanapun, isu keselamatan perlu sentiasa ditambah baik oleh semua pihak

memandangkan MBPK pembelajaran mempunyai pelbagai tingkah laku spontan yang boleh menyebabkan berlakunya perkara yang tidak diingini.

Selain itu, pelbagai isu lain timbul berdasarkan pandangan dan persepsi ibu bapa dalam aktiviti berkuda. Isu-isu ini antaranya ialah kekurangan tempat aktiviti berkuda bagi MBPK, kos yang terlalu tinggi, sesi aktiviti yang singkat serta jarak antara sesi yang terlalu jauh telah diutarakan oleh peserta kajian. Perkara ini menunjukkan bahawa aksesibiliti kepada aktiviti berkuda di Malaysia amnya dan Kuala Lumpur khususnya masih lagi berada pada tahap sederhana. Kebanyakan isu aksesibiliti ini sering berlaku di negara-negara membangun kerana aktiviti berkuda memerlukan kos tinggi dan jurulatih yang berkemahiran untuk mengendalikan kuda dan murid berkeperluan pendidikan khas pada masa yang sama. Dalam kajian oleh White-Lewis (2020) mendedahkan bahawa kos tinggi yang diperlukan dalam aktiviti berkuda menyebabkan kebanyakannya golongan yang berpendapatan rendah tidak mampu menanggung perbelanjaan untuk aktiviti ini. Kos perkhidmatan yang sangat tinggi juga menyukarkan golongan masyarakat berpendapatan sederhana dan rendah menyertai aktiviti ini secara konsisten. Justeru adalah sangat wajar jika pihak berkenaan dapat menambah bilangan pusat aktiviti berkuda serta mempromosikan aktiviti ini dengan sebaiknya kepada setiap lapisan masyarakat di Malaysia. Penambahbaikan ini bagi mempelbagaikan intervensi yang ada di Malaysia seterusnya dapat membantu MBPK meningkatkan kemahiran dan kefungsian mereka dalam kehidupan sehari-hari dan pembelajaran.

KESIMPULAN

Kajian ini telah meneroka jenis penglibatan ibu bapa murid berkeperluan pendidikan khas dalam aktiviti berkuda dan persepsi mereka tentang aktiviti ini dalam konteks negara Malaysia. Hal ini berikutan aktiviti berkuda di negara kita masih belum diperkenalkan secara meluas kepada setiap golongan masyarakat terutamanya keluarga yang mempunyai anak berkeperluan pendidikan khas (MBPK). Daripada hasil dapatan yang diperolehi, didapati ibu bapa melibatkan diri mereka sepenuhnya di mana jenis penglibatan mereka dikategorikan kepada dua aspek iaitu aspek keibubapaan dan aspek pembelajaran di rumah berdasarkan kepada model penglibatan ibu bapa oleh Joyce Epstein (2020). Selain itu, persepsi ibu bapa terhadap aktiviti berkuda menunjukkan bahawa ibu bapa menganggap aktiviti ini sebagai alternatif kepada terapi konvensional yang dihadiri anak mereka sebelumnya. Ini memberikan pilihan kepada ibu bapa untuk menentukan intervensi yang sesuai untuk anak mereka. Mereka juga berpendapat promosi untuk memperkenalkan aktiviti ini kepada keluarga yang mempunyai MBPK adalah kurang dan sangat terhad. Justeru, pengetahuan ibu bapa sangat penting agar mereka dapat memberikan yang terbaik dalam meningkatkan kualiti hidup anak-anak berkeperluan pendidikan khas. Ibu bapa juga menyenaraikan isu-isu dan pendapat peribadi mereka tentang aktiviti berkuda yang lebih melihat kepada aksesibiliti kepada aktiviti ini di dalam konteks negara kita. Aksesibiliti dilihat sebagai faktor luar yang memberi impak kepada penglibatan ibu bapa MBPK. Oleh itu, sebagai sebuah negara yang sedang membangun diharapkan isu aksesibiliti dalam aktiviti berkuda diberi perhatian oleh pihak berkepentingan. Perkara ini agar semua MBPK di Malaysia berpeluang menyertai aktiviti yang menarik ini.

Kesimpulannya, kajian ini diharapkan dapat memberi pengetahuan baru tentang intervensi yang boleh dijalankan terhadap murid-murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) di Malaysia. Kepelbagaian intervensi penting bagi mengatasi permasalahan yang ditimbulkan seperti kekurangan profesional yang menjalankan terapi berikutan peningkatan MBPK setiap tahun. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat membuka mata pihak-pihak berkepentingan untuk menyediakan pusat perkhidmatan aktiviti berkuda secara meluas kepada MBPK. Ini kerana kebaikan yang diperolehi daripada aktiviti berkuda ini bukan sahaja dalam aspek terapi, tetapi juga dalam aspek fizikal dan kecergasan tubuh badan. Memandangkan kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif, terdapat limitasi dari segi bilangan peserta kajian. Kajian akan datang boleh mempertimbangkan untuk menambah bilangan peserta kajian dan melihat aktiviti ini dari konteks yang berbeza. Sebagai contoh, persepsi guru-guru Pendidikan Khas ataupun MBPK itu sendiri tentang kebaikan yang diperolehi melalui aktiviti berkuda.

RUJUKAN

- Acar, S., Chen, C. I., & Xie, H. (2021). Parental involvement in developmental disabilities across three cultures: A systematic review. *Research in Developmental Disabilities*, 110(January), 103861. <https://doi.org/10.1016/j.ridd.2021.103861>
- Ainul Izzah, A. M., Noh, A., Zaini, S., & Mahadir, A. (2018). The Influences of Parenting Stress, Children Behavioral Problems and Children Quality of Life on Depression Symptoms Among Parents of Children with Autism: Preliminary Findings. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 16(Khas), 137–143. <https://doi.org/10.17576/jskm-2018-19>
- Anderson, S., & Meints, K. (2016). Brief Report: The effects of Equine-Assisted activities on the social functioning in children and adolescents with Autism Spectrum Disorder. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 46, 3344–3352. <https://doi.org/10.1007/s10803-016-2869-3>
- Annerstedt, M., & Währborg, P. (2011). Nature-assisted therapy: Systematic review of controlled and observational studies. *Scandinavian Journal of Public Health*, 39(4), 371–388. <https://doi.org/10.1177/1403494810396400>
- Baranek, G. T. (2002). Efficacy of Sensory and Motor Interventions for Children with Autism. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 32(5), 397–422. <https://doi.org/10.1023/A>
- Borgi, M., Loliva, D., Cerino, S., Chiarotti, F., Vinti, C., Santis, C. De, Bisacco, F., & Fagerlie, M. (2016). Effectiveness of a standardized equine-assisted therapy program for children with Autism Spectrum Disorder. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 46, 1–9. <https://doi.org/10.1007/s10803-015-2530-6>
- Bronfenbrenner, U. (1977). Toward an experimental ecology of human development. *American Psychologist*, 48, 513–531. <https://doi.org/10.14195/0870-4147-48-1>
- Butt, M. (2017). *Parents' and facilitators' perceptions of children with autism spectrum disorder in an equine-assisted learning programme* (Issue December). Stellenbosch University.
- Endenburg, N., & A. van Lith, H. (2011). The influence of animals on the development of children. *Veterinary Journal*, 190(2), 208–214. <https://doi.org/10.1016/j.tvjl.2010.11.020>
- Epstein, J. L. (2010). School Family Community Partnerships. *Phi Delta Kappan*, 92(9), 81–96.
- Farahiyah, W. Y., Bissett, M., Penkala, S., Muhammad Hibatullah, R., & Liu, K. P. Y. (2020). Advisory panel review on the

- feasibility of three intervention programmes for children with autism spectrum disorder. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, 16(2), 43–51.
- Gould, M., & Howson, A. (2014). Piaget's Stages of Cognitive Development. *EBSCO Research Starters*, 6.
- Hawkridge, C. (2017). *Animal-assisted activities for adolescents with autism spectrum disorder: Teachers' and parents' perceptions* (Issue March). Stellenbosch University.
- Holroyd, T. A., Sauer, M. A., & Limaye, R. J. (2020). Vaccine decision-making among parents of children on Medicaid with and without autism spectrum disorder. *Vaccine*, 38(43), 6777–6784. <https://doi.org/10.1016/j.vaccine.2020.08.041>
- Kamaruzaman, S., Fatin Aqilanajwa, A., Nur Fadilah, D., & Izwyn, Z. (2020). A Standard Guideline for Children With Autism Spectrum Disorder to Involve in Therapeutic Horseback Riding. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 470(ICoSD 2019), 1–8. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.200921.001>
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. 2016. Pelan Tindakan OKU (Orang Kurang Upaya) 2016-2022.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2021. Buku Data Pendidikan Khas Tahun 2021.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Llambias, C., Magill-Evans, J., Smith, V., & Warren, S. (2016). Equine-Assisted Occupational Therapy: Increasing engagement for children with Autism Spectrum Disorder. *The American Journal of Occupational Therapy*, 70(6). <https://doi.org/10.5014/ajot.2016.020701>
- Meuwese, D., van der Voort, N., Dijkstra, K., Krabbendam, L., & Maas, J. (2021). The Value of Nature During Psychotherapy: A Qualitative Study of Client Experiences. *Frontiers in Psychology*, 12(November), 1–11. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.765177>
- O'Mahony, R., Connolly, E., & Hynes, P. (2019). A qualitative study of Irish parents' views on hippotherapy, including its influence on their children's home-based occupations. *Irish Journal of Occupational Therapy*, 47(1), 42–57. <https://doi.org/10.1108/IJOT-11-2018-0018>
- Paezah, A. H., & Faridah, Y. (2017). Kepentingan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak di prasekolah. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 2017, 9. <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/pendidikan/14-PAEZAH-ABD-HALIM.pdf>
- Rodriguez, K. E., Guérin, N. A., Gabriels, R. L., Serpell, J. A., Schreiner, P. J., & O'haire, M. E. (2018). The State of Assessment in Human-Animal Interaction Research. *Human-Animal Interaction Bulletin*, 6(Special Edition), 63–81.
- Tan, V. X. L., & Simmonds, J. G. (2018). Parent Perceptions of Psychosocial Outcomes of Equine-Assisted Interventions for Children with Autism Spectrum Disorder. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 48(3), 759–769. <https://doi.org/10.1007/s10803-017-3399-3>
- Tschida, J. E., Maddox, B. B., Bertollo, J. R., Kuschner, E. S., Miller, J. S., Ollendick, T. H., Greene, R. W., & Yerys, B. E. (2021). Caregiver Perspectives on Interventions for Behavior Challenges in Autistic Children. *Research in Autism Spectrum Disorders*, 81, 101714. <https://doi.org/10.1016/j.rasd.2020.101714>
- White-Lewis, S. (2020). Equine-assisted therapies using horses as healers: A concept analysis. *Nursing Open*, 7(1), 58–67. <https://doi.org/10.1002/nop2.377>
- Zhang, D., & Spencer, V. G. (2015). Addressing the Needs of Students with Autism and Other Disabilities in China: Perspectives from the Field. *International Journal of Disability, Development and Education*, 62(2), 168–181. <https://doi.org/10.1080/1034912X.2014.998175>
- Zorcec, T. (2019). Needs and Challenges Facing Parents/Caregivers of Children with Autism Spectrum Disorder: The Southeast European Autism Network Survey. *Hrvatska Revija Za Rehabilitacijska Istraživanja*, 55(2), 31–39.